

4.0 PEMBUDAYAAN ANALITIS DATA

Pembudayaan merujuk kepada proses memperkenalkan dan mengukuhkan nilai, kepercayaan dan amalan dalam sesebuah organisasi. Dalam konteks perkhidmatan awam, membudayakan analitis data adalah usaha sistematik untuk menjadikan penggunaan data sebagai elemen teras dalam pembuatan keputusan.

Manfaat pembudayaan analitis data dalam perkhidmatan awam antaranya dapat meningkatkan kecekapan operasi, menyokong keputusan yang lebih berinformasi dan meningkatkan ketelusan serta akauntabiliti. Mengintegrasikan analitis data ke dalam setiap peringkat pengurusan dan operasi, dapat memacu perkhidmatan awam ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih responsif, tepat dan berimpak tinggi.

Antara tindakan yang boleh diambil oleh agensi bagi membudayakan analitis data raya adalah seperti berikut:

- (i) Melaksanakan analisis terhadap proses pelaksanaan bagi mengenal pasti aspek-aspek yang berkesan dan penambahbaikan yang diperlukan.
- (ii) Meneruskan pelaksanaan analitis data raya dengan tekad yang lebih kuat, demi memperkukuh momentum kejayaan yang telah dicapai dan mendorong kemajuan yang lebih besar.
- (iii) Memastikan produk data disepadukan dengan aplikasi lain yang digunakan dalam organisasi.
- (iv) Menggalakkan penggunaan produk data secara kerap dengan mewar-warkan faedah dan nilainya.
- (v) Sentiasa berkongsi cerita kejayaan penggunaan produk data.
- (vi) Mengumpul maklum balas daripada pengguna untuk mengenal pasti isu, mengukur kesan terhadap kualiti kerja dan memahami pengalaman mereka menggunakan produk data.
- (vii) Mengukur prestasi produk data dari segi penggunaan, nilai yang diperoleh dan keberkesanannya terhadap penyampaian perkhidmatan.
- (viii) Memastikan segala perancangan dan pembuatan keputusan adalah berdasarkan data.
- (ix) Menjadikan analitis data raya sebagai satu agenda dalam mesyuarat pengurusan.

- (x) Menjadikan analitis data raya sebagai petunjuk prestasi utama (KPI) pengurusan tertinggi.